



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN &
KESIHATAN**

KOD KURSUS : DKM 2142

PEPERIKSAAN : APRIL 2018

MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Penghadang yang dibina merupakan sebahagian daripada mesin. Biasanya penghadang ini dibuat daripada kepingan bar logam, plastik atau apa-apa bahagian lain yang cukup besar untuk dijadikan sebagai penghadang. Kelebihan penghadang jenis ini adalah boleh dibina dengan pelbagai aplikasi tertentu dan sesuai untuk operasi pengeluaran yang tinggi dan berulang-ulang.

Keterangan di atas merujuk kepada penghadang jenis :

- A Penghadang tetap
 - B Penghadang auto laras
 - C Penghadang ulang alik
 - D Penghadang *interlocked*
2. Apakah yang dimaksudkan dengan Mesin Gergaji?
 - A Memotong benda kerja dalam jumlah yang banyak.
 - B Alat yang digunakan untuk memotong logam yang keras.
 - C Bahan jalur yang berputar berterusan menggunakan dua takal atau lebih untuk menggerakkan peralatan mesin.
 - D Alat yang menggunakan logam pemotong yang keras atau kawat dengan tepi kasar untuk memotong bahan yang lebih keras serta mempunyai tepi logam pemotong yang bergerigi atau kasar.
 3. Berapakah jumlah pekerja untuk majikan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja?
 - A Mempunyai 40 atau lebih pekerja
 - B Mempunyai 60 atau lebih pekerja
 - C Mempunyai 20 atau lebih pekerja
 - D Mempunyai kurang dari 40 orang pekerja

4. Pencemaran tanah terjadi disebabkan oleh
- A hingar jalan raya
 - B penyinaran lebihan
 - C pemusnahan alam fizikal
 - D peresapan bahan kimia bahaya seperti logam
5. Apakah yang dimaksudkan dengan *conveyors*?
- A Peralatan untuk mengangkat dan menurunkan barang.
 - B Kenderaan untuk mengangkat peralatan dengan menggunakan gear.
 - C Sistem penghantar untuk pengendalian mekanikal yang bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.
 - D Sejenis mesin yang dilengkapi dengan pesawat angkat tali, wayar atau rantai dan pencangkuk untuk mengangkat bahan yang lebih berat dan bergerak secara mendatar.
6. Antara berikut yang manakah **BUKAN** ciri-ciri bagi sisa berbahaya.
- A terbakar
 - B berwarna
 - C menghakis
 - D ketoksidan
7. Apakah fungsi bagi *Hose*?
- A Sejenis paip air yang dibina ke dalam bangunan bertingkat.
 - B Sistem pemercik api untuk perlindungan kebakaran yang aktif.
 - C Hos tekanan tinggi yang membawa air atau bahan kalis api lain untuk memadamkan api.
 - D Melindungi kawasan-kawasan yang mengandungi peralatan berharga atau kritikal seperti bilik pemprosesan data, suis telekomunikasi dan bilik kawalan proses.

8. Pemadam api jenis manakah yang sesuai untuk memadamkan kebakaran yang berpunca daripada sumber elektrik?
- A Jenis A
 - B Jenis B
 - C Jenis C
 - D Jenis D
9. Tiga perkara yang diperlukan untuk menghasilkan api adalah
- A Oksigen, api dan air
 - B Suhu, oksigen dan air
 - C Bahan bakar, suhu dan oksigen
 - D Bahan bakar, suhu dan karbon dioksida
10. Berikut adalah bahaya-bahaya yang disebabkan oleh punca elektrik **KECUALI**
- A Kejutan
 - B Letupan
 - C Kebakaran
 - D Gempa bumi

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Nyatakan bentuk hukuman yang boleh dikenakan ke atas majikan sekiranya gagal memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja?

(5 markah)

b. Huraikan **lima (5)** peranan majikan dalam menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja.

(10 markah)

SOALAN 2

a. Terangkan definisi bagi yang berikut:

(i) *Floor Opening*

(ii) *Wall Opening*

(5 markah)

b. Bincangkan **lima (5)** ciri-ciri yang perlu ada bagi setiap premis atau bangunan untuk menjamin keselamatan apabila berlaku sesuatu kebakaran.

(10 markah)

SOALAN 3

a. Senaraikan **lima (5)** aspek yang perlu diambil kira dalam pemilihan alat perlindungan pendengaran.

(5 markah)

b. Syarikat TMR Sdn Bhd merupakan sebuah kilang pembuatan mesin larik. Untuk memastikan keselamatan pekerja dalam keadaan terjamin dan selamat, setiap pekerja perlu memakai peralatan keselamatan (*PPE*) semasa membuat kerja bagi mengelakkan dari sebarang kemalangan serta kecederaan yang tidak diingini. Berpandukan maklumat di atas bincangkan **lima (5)** peralatan keselamatan yang perlu disediakan oleh pihak majikan beserta dengan kegunaannya.

(10 markah)

SOALAN 4

a. Terangkan secara ringkas berkenaan Kimpalan Arka?

(5 markah)

b. Huraikan **lima (5)** langkah-langkah kaedah penyimpanan bekas silinder yang mengandungi gas *welding*.

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam buku jawapan.

SOALAN 1**Kes penyiasaan kemalangan di tempat kerja****Penyelenggara kilang sawit meraung pergelangan tangan putus**

MERSING - Seorang penyelenggara mesin di sebuah kilang sawit disini, Mohd Sharil Sidik, 21 putus pergelangan tangan kanannya yang terperosok ke dalam mesin penyangkut ketika melakukan kerja pembersihan.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.30 pagi Ahad lalu, mangsa dikatakan sedang bertugas seorang diri dan berada di atas mesin berkenaan sebelum tangannya dipercayai tersangkut pada mesin itu menyebabkan pergelangan tangannya terputus dan tercampak ke lantai.

Jeritan kuat mangsa menyebabkan rakannya dikenali sebagai Wan yang berada di stor kilang berkenaan bergegas ke tempat kejadian untuk menyelamatkan mangsa, Wan menghubungi pengurus kilang memaklumkan kejadian itu sebelum membawa mangsa serta bahagian tangan yang putus ke Hospital Mersing.

Sebaik mangsa tiba di Hospital Mersing, pengurusan kilang itu menghubungi Hospital Sultanah Aminah, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan serta Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Malangnya semua hospital berkenaan tidak dapat menerima mangsa kerana dikatakan ketiadaan doktor pakar berikutan cuti hujung minggu.

Difahamkan, hanya Pusat Perubatan Universiti Malaya (UPM) Kuala Lumpur yang sanggup menerima mangsa bagi menjalani pembedahan dengan segera. Setibanya di sana lebih kurang jam 5 petang dan dia terus dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi

bagi menjalani pembedahan menyambung semula pergelangan tangan kanannya hingga jam 3.30 pagi.

Menurutnya, hasil pembedahan itu abangnya berkata dia bersyukur kerana tangan adik bongsunya itu berjaya disambung semula.

Menurutnya, mereka sekeluarga yang berasal dari Felda Nitar 1. di sini dan ketika kejadian dia berada di rumah keluarganya di Kulaijaya dekat Johor Bahru.

Katanya, ibu bapanya kini berada di Kuala Lumpur untuk melawat mangsa dan dimaklumkan dia kini dalam keadaan stabil selepas pergelangan tangan kanannya itu berjaya disambung semula.

"Kini, selepas beberapa hari menjalani pembedahan, tangan adiknya sudah boleh digerakkan semula" katanya ketika dihubungi semalam.

Astilah dan keluarga berterima kasih kepada semua yang membantu.

Daripada maklumat di atas :

- a) Huraikan **lima (5)** punca terjadinya kemalangan.
- b) Bincangkan **lima (5)** langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

(20 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

